

21/03/2003

Sekolah jadi alat kekal perpaduan kaum

Lee Lam Thye

TANGGAL 8 Februari lalu, genap 100 tahun tarikh kelahiran Bapa Pembangunan

Malaysia, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Ini adalah tarikh bersejarah, yang harus diketahui dan dikenang oleh seluruh rakyat Malaysia, terutama generasi muda yang lahir selepas negara mencapai kemerdekaan.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan dengan tepat sekali: "Saya mahukan semua rakyat Malaysia mengenang tokoh yang mula-mula sekali menanamkan butir-butir perpaduan dan keharmonian di

antara kita, butir yang telah membungakan perpaduan dan yang telah menyatukan kita sebagai sebuah keluarga."

Warisan yang ditinggalkan oleh Almarhum kepada negara adalah perjuangannya demi mencapai keharmonian sosial serta kesungguhan beliau untuk mengekalkannya.

Namun, walaupun pelbagai usaha diambil oleh beliau ke arah itu, kejadian

13 Mei tetap berlaku. Tragedi yang diakibatkan oleh ketegangan kaum ini meninggalkan luka yang mendalam bagi diri Bapa Kemerdekaan Malaysia.

Demikian pun, satu peristiwa ini tidak boleh menjadi alasan untuk kita mempersia-siakan segala usaha, sumbangan dan pengorbanan Almarhum Tunku. Masih banyak sumbangan dan pengorbanan beliau yang menjadi warisan rakyat

Malaysia. Cara terbaik untuk rakyat menunjukkan penghargaan terhadap sumbangan itu adalah dengan usaha untuk merealisasikan impian beliau melihat Malaysia sebagai sebuah negara maju, makmur dan bersatu padu.

Sumbangan Perdana Menteri pertama ini sememangnya sentiasa dalam kenangan kita. Penghargaan terhadap pengorbanan ini akan lebih bermakna jika kita dapat meneruskan usaha murni beliau untuk mewujudkan dan mengekalkan perpaduan, terutama dalam struktur masyarakat majmuk kita.

Kejayaan dan kewujudan Malaysia banyak bergantung atas kebolehan masyarakat berbilang bangsa, hidup dan bekerjasama seperti yang dilaungkan

oleh Almarhum Tunku dan ahli politik serta pemimpin masa lampau.

Institusi lambang demokrasi yang wujud seperti Parlimen yang dilantik oleh rakyat adalah antara sumbangan dan peninggalan Bapa Pembangunan Malaysia. Institusi seperti inilah yang harus dipertahan dan diperteguhkan

oleh generasi kini.

Peringatan dan penghargaan kepada jasa Almarhum dan sumbangan serta warisan yang ditinggalkan oleh beliau kepada negara, menjadi lebih signifikan pada ulang tahun ke-100 kelahirannya.

Rakyat Malaysia sangat beruntung kerana dirahmati dengan pemimpin berwibawa seperti Almarhum yang membentuk negara baru berdasarkan perasaan

muhibah dan nilai persefahaman, toleransi dan perpaduan.

Tanpa disiplin pada peringkat awal ini, kita mungkin tidak berada di

tempat pada hari ini. Rakyat Malaysia seharusnya mensyukuri dan mengingati apa yang ditanam dalam diri setiap individu kita oleh Almarhum sejak awal lagi.

Kita seharusnya meneruskan usaha untuk mengekalkan warisan yang ditinggalkan oleh Almarhum, terutama dalam usaha membentuk dan mengekalkan sebuah negara Malaysia yang bersatu padu, maju dan makmur.

Kita tidak boleh sekali-kali mengambil ringan perpaduan yang wujud. Sebaliknya, kita perlu sentiasa sedar akan tanggungjawab dan sentiasa peka terhadap isu berkaitan keharmonian dan perpaduan.

Dalam hal ini, kita tidak boleh memandang ringan komen berkaitan isu polarisasi yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya sejak kebelakangan ini.

Tidak dinafikan polarisasi kaum semakin ketara dalam masyarakat kita hari ini. Ini jelas dilihat, terutama dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Suatu masa dulu, sekolah kebangsaan melambangkan nukleus masyarakat Malaysia di mana kanak-kanak berlainan bangsa membesar, bermain dan mendapat pendidikan bersama-sama. Saya sendiri menikmati suasana ini di sekolah missionary di mana saya mendapat pendidikan awal.

Tetapi kini, keadaannya bertentangan. Komposisi sekolah kebangsaan majoritinya pelajar berbangsa Melayu. Jumlah pelajar Cina dan India pula boleh dibilang dengan jari. Jika ada ketiga-tiga bangsa dalam sebuah sekolah, interaksi di antara mereka adalah minimum. Keadaan sama juga wujud di institusi pengajian tinggi awam.

Untuk menangani polarisasi ini adalah tugas besar. Tetapi ia perlu demi perpaduan negara.

Keputusan kerajaan untuk menubuhkan jawatankuasa yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri untuk menyusun semula sistem pendidikan kebangsaan adalah langkah yang dialu-alukan. Penyusunan semula ini diharapkan akan meningkatkan imej sekolah kebangsaan dan menjadikan ia lebih menarik kepada semua bangsa.

Pembentukan kurikulum baru untuk sekolah kebangsaan ini juga perlu diteliti supaya mengambil kira keperluan pelajar dari pelbagai bangsa dan keturunan. Sekolah juga seharusnya mengajar bahasa Cina dan Tamil supaya dapat menggalakkan ibu bapa berbangsa Cina dan India menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan.

Dalam membincangkan hal ini, sekolah kebangsaan seharusnya dapat menyatupadukan semua bangsa dan mempamerkan keharmonian sosial masyarakat Malaysia.

Pandangan yang dikemukakan oleh Abdullah bahawa sekolah vernakular dan sekolah kebangsaan seharusnya menganjurkan bersama aktiviti berbentuk sukan dan sosial dengan tujuan memupuk perpaduan dan keharmonian sosial perlu diambil serius dan dilaksanakan.

Keadaan polarisasi kaum di kalangan generasi muda semakin serius. Jika tindakan awal tidak diambil, ia mungkin menjadi masalah yang sukar dikawal dan diselesaikan pada masa akan datang.

Cara paling sesuai dan berkesan untuk memupuk kehidupan berharmoni di kalangan generasi muda pelbagai bangsa adalah dengan interaksi mereka di bangku sekolah.